



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## BOLA JARING

### 1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN

- 1.1** Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

### 2.0 PERATURANAM

- 2.1** Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang permainan **Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (IFNA)** dan **Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM)** yangterkini.

- 2.2** Jika timbul perselisihan penafsiran, undang-undang semasa akan digunakanapakai.

- 2.3** Sebarang kejadian dan perselisihan akan diputuskan berdasarkan kepada:

- 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada undang-undang permainan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (IFNA) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) yangterkini.

- 2.4** Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohananini.

- 2.5** Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KARNIVAL SUKAN DVS.

- 2.6** Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

### 3.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA

- 3.1** Setiap kontingen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada **dua belas (12) orang** pemain termasuk pemain simpanan dan **dua (2) orang** Pegawai/Pengurus/Jurulatih. (Pegawai/Pengurus/Jurulatih **BOLEH** menjadi pemain). (\***Jurulatih yang BOLEH menjadi pemain merupakan kakitangan jabatan sahaja\***)

- 3.2** Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 3.3** Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambilbahagian.

- 3.4** Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.

- 3.5** Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara11**.

- 3.6** Setiap pasukan diwajibkan menghantar Borang Pendaftaran Perlawanan untuk setiap perlawanannya, selewat-lewatnya **Lima Belas (15) Minit** sebelum perlawanannya bermula.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## BOLA JARING

### 4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dan kalahsingkir.
- 4.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan dalam beberapa kumpulan melalui undian. **Rujuk Peraturan Am Perkara 15.7**
- 4.3 Semua Perlawanan di peringkat awal akan dijalankan secara **LIGA KUMPULAN**.
- 4.4 Dua (2) pasukan teratas (Juara & Naib Juara kumpulan) dari setiap kumpulan akan layak bertanding di peringkat Suku Akhir (sekiranya 4 kumpulan) atau Separuh Akhir (sekiranya 2 kumpulan).
- 4.5 Bagi pusingan suku akhir hingga akhir perlawanan akan dijalankan secara kalah singkir (*knock-out*). Perlawanan akan berakhir apabila salah satu pasukan memperolehi kemenangan dengan kiraan tiga (3) – kosong (0) atau tiga (3) – satu (1).
- 4.6 Pasukan Pilihan (Johan, Naib Johan dalam Karnival Sukan MOA sebelumnya serta Tuan Rumah) akan diasingkan dalam kumpulan yangberlainan.

### 4.7 Mata / Keputusan Perlawanan

#### 4.7.1 Sistem Liga

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	2
Kalah	0
Seri	1

- 4.7.1.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan.
- 4.7.1.2 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mendapat mata yang sama di akhir perlawanan liga, purata golakan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yangkena);
- 4.7.1.3 Jika purata gol masih seri, maka perbezaan gol akan digunakan (iaitu: jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena);
- 4.7.1.4 Jika kedudukan masih seri, maka pasukan yang menjaringkan gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang;
- 4.7.1.5 Sekiranya masih berkedudukan seri, mana-mana pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dalam liga dikira menang;



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



### BOLA JARING

4.7.1.6 Sekiranya kaedah diatas gagal menentukan kedudukan, maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan menentukan cara lain yang difikirkan sesuai.

#### 4.7.2 Sistem Kalah Singkir

4.7.2.1 Sekiranya berlaku seri semasa perlawanan di peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir,

- i. Pasukan hendaklah diberi masa rehat dua (2) minit di akhir masa sepenuh perlawanan;
- ii. Masa tambahan hendaklah mengandungi dua (2) bahagian dan dimainkan selama **LIMA (5)** minit setiap separuh masa dengan **Satu (1)** minit masa rehat diakhiri separuh masa. Kedua-dua pasukan hendaklah bertukar Kawasan Gol separuh masa berikutnya. Hantaran Tengah seterusnya diambil oleh pasukan yang berhak mengambilnya;
- iii. Semasa kedua-dua waktu rehat ini, penggantian dan/atau pertukaran posisi bolehlah dibuat;
- iv. Dalam tempoh masa tambahan ini, prosedur kecederaan atau sakit yang biasa hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, dalam keseluruhan masa tambahan:
  - a. Pemberhentian pertama bagi setiap pasukan hendaklah sehingga **DUA (2)** minit
  - b. Bagi setiap pemberhentian seterusnya untuk setiap pasukan hendaklah tidak melebihi **TIGA PULUH (30)** saat.
- v. Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan, satu isyarat yang boleh dilihat digunakan untuk menunjukkan permainan hendaklah diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol.

### 4.8 Tempoh Perlawanan

#### 4.8.1 Tempoh Masa Perlawanan

Setiap pasukan dikehendaki bermain **dua (2)** bahagian (separuh masa pertama & separuh masa kedua). Setiap separuh masa akan dilangsungkan selama **tujuh (7) minit** dan masa rehat adalah **satu (1) minit**. Jumlah keseluruhan setiap **satu (1)** perlawanan adalah **lima belas (15) minit** sahaja.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## BOLA JARING

### 4.9 Memulakan Perlawanan

- 4.9.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai **Tujuh (7)** orang pemain didalam gelanggang manakala seramai **Lima (5) orang** pemain simpanan
- 4.9.2 Sekiranya pasukan yang bertanding **TIDAK HADIR**, tempoh masa menunggu yang dibenarkan adalah **sepuluh (10) minit** daripada masa perlawanan yang dijadualkan dan mana-mana pasukan yang melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan seperti berikut:
  - 4.9.2.1 Jika selepas **sepuluh (10) minit** mana-mana pasukan yang tidak dapat hadir dengan sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain, maka pasukan itu dikira menarik diri dan terkeluar daripada perlawanan tersebut.
  - 4.9.2.2 Pasukan lawan yang mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain yang berada di dalam gelanggang akan diberikan **KEMENANGAN PERCUMA** dengan jaringan tiga (3) – kosong (0) dan mendapat tiga (3)mata.

### 4.10 Waktu Bermula Sesuatu Perlawanan

- 4.10.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN ATAU JAWATANKUASA PENGELOLA**.

### 4.11 Pertukaran Pemain

- 4.11.1 Tiada had pertukaran pemain semasa perlawanan. Seseorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula ke gelanggang sebagai pengganti kepada pemain yang lain.
- 4.11.2 Pertukaran tidak dibenarkan bagi menggantikan pemain yang digantung permainan semasa perlawanan tersebut.
- 4.11.3 Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian dibuat semasa bola dalam permainan.
  - 4.11.3.1 Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon penggantian.
  - 4.11.3.2 Pemain yang masuk ke gelanggang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian, tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak diganti telah keluar melintasi garisan tepi.
  - 4.11.3.3 Seseorang pengganti akan tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pegadil sama ada memanggil atau tidak untuk bermain.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



### BOLA JARING

- 4.11.3.4 Pemain boleh bertukar tempat dengan mana-mana pemain dengan syarat kebenaran dari salah seorang pengadil hendaklah diminta terlebih dahulu.

#### 4.12 Bib / Pakaian Sukan

- 4.12.1 Hendaklah seragam iaitu mempunyai corak, bentuk dan warna yang sama. Dipakai setiap kali bermain di sepanjang kejohanan.
- 4.12.2 Pakaian '*Track-bottom*' atau '*tight*' dengan '*skirt*' adalah dibenarkan. Seluar pendek adalah tidak dibenarkan.
- 4.12.3 Setiap pasukan dikehendaki mendaftar dua (2) set bib yang berlainan warna. Ukuran huruf pada setiap bib ialah enam (6) inci tinggi.
- 4.12.4 Sekiranya kedua-dua pasukan memakai bib yang sama warna, maka penentuan pertukaran bib akan dibuat secara lambungan syiling '*toss of coin*'.
- 4.12.5 Pasukan dikehendaki mengisi warna jersi dan bib pada borang penyertaan.

#### 5.0 PERALATAN PERTANDINGAN

- 5.1 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan bola jenis 'MOLTEN' (kulit) atau yang setaraf dengannya.

#### 6.0 PENGADIL

- 6.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.
- 6.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

#### 7.0 DISIPLIN PASUKAN

- 7.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 7.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam **PERATURAN AM**.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

### BOLA JARING



## **8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA**

**8.1** Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara18.

## **9.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURIRAYUAN**

**9.1** Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara23.

## **10.0 JADUAL PERLAWANAN**

**10.1** Jawatankuasa Pengelolaakan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

## **11.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH**

**11.1** Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara12.

## **12.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGKAN**

Nama	:	Noor Juliana Binti Ismail
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Bola Jaring
No. H/P	:	012-5945344
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	Nurhazwani Binti Kamaroulmunir
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Bola Jaring
No. H/P	:	018-5727586
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	Fauzila
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Bola Jaring
No. H/P	:	019-5206007
emel	:	sukandvs@gmail.com